

MMC-Gamuda menang bida projek MRT

Konsortium dipilih kerana pengalamannya mengendalikan kerja bawah tanah

Oleh Ahmad Farizal Hajat
ahmadfarizal@bharian.com.my



KONSORTIUM MMC Corporation Bhd dan Gamuda Bhd (MMC-Gamuda) memenangi bidaan untuk melaksanakan pakej kontrak infrastruktur terbesar negara iaitu kerja pembinaan terowong bawah tanah My Rapid Transit (MRT) bagi laluan Sungai Buloh-Kajang.

Ia menewaskan empat pembida lain iaitu konsortium antara Hyundai, Gadang dan Chengal Jaya; Tai-sei Corp; Sinohydro Group Ltd serta China Railway Group Ltd.

Mengumumkan keputusan bidaan itu semalam, MRT Corporation (MRT Corp) berkata, pemilihan konsortium MMC-Gamuda bagi melaksanakan projek itu dibuat selepas satu proses pemilihan yang ketat membabitkan tiga fasa penilaian iaitu penilaian ke atas do-

kumen berkaitan, penilaian teknikal dan penilaian terhadap pengkomersialan projek berkenaan.

MMC-Gamuda juga, katanya, dipilih berdasarkan harga bidaannya yang paling kompetitif iaitu RM8.2 bilion bagi kerja reka bentuk dan membina terowong MRT sepanjang 9.5 kilometer, selain pembinaan tujuh stesen bawah tanahnya.

"Keputusan pemilihan itu dibuat oleh Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSPC) yang dipengerusikan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Parlimen kelmarin," kata pemilik dan pengendali projek MRT itu dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, sema-

lam.

MRT Corp berkata, MMC-Gamuda turut dipilih kerana pengalamannya dalam mengendalikan kerja bawah tanah dalam keadaan bentuk tanah yang sama dan menyediakan pasukan sama yang menjalankan projek Mengurus Air Banjir dan Terowong (SMART).

"Pemilihan MMC-Gamuda JV juga berdasarkan kepada kekuatan konsortium itu dalam reka bentuk, pelan pembinaan dan kelengkapan membina terowong dan metodologi pembinaan stesen dan terowong, terutama dalam struktur batu kapur karstic yang mencabar, selain memiliki pelan pembinaan serta

sumber yang mencukupi," kata kenyataan itu sambil menambah penilaian akhir yang dibuat turut menunjukkan tawaran MMC-Gamuda JV juga adalah yang terbaik khususnya dari segi nilai iaitu 3.4 peratus lebih rendah berbanding tawaran terendah kedua yang dikemukakan pembida lain.

Mengulas mengenainya, Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata pemberian projek itu menunjukkan momentum kerja pembinaan MRT kini adalah semakin meningkat, khususnya ketika pihaknya berusaha menyiapkan projek berkenaan dalam masa dan kos yang disasarkan.

"Kerja pembinaan terowong memerlukan kerja bawah tanah besar-besaran. Ia adalah pakej tunggal terbesar dalam projek MRT iaitu membentuk antara 30 peratus dan 40 peratus daripada jumlah

kos projek.

"Pemberian pakej bawah tanah itu juga akan menyediakan peluang kerja yang besar di Malaysia," katanya yang turut menambah MRT Corp komited memastikan kejayaan pelaksanaan projek MRT itu.

Sementara itu, Ketua Penyelidik OSK Research, Chris Eng, menjangkakan kerja pembinaan terowong itu akan bermula seawal suku kedua tahun ini dan disasarkan siap sepenuhnya menjelang Jun 2017.

"Dengan penganugerahan projek terowong bawah tanah itu, baki enam daripada lapan pakej di bahagian bertingkat pula dijangka akan diagihkan secara progresif dalam tempoh dua bulan akan datang.

"Ini membayangkan bahawa pelaksanaan projek MRT yang ditunggu-tunggu selama ini berjalan lancar dan mengikut jadual," katanya.